

Kerajaan tubuh dua jawatankuasa kaji undang-undang khusus

# Usaha tangani kenderaan terbiar

Oleh NOR IDAYU BOSRO

**KUALA LUMPUR** – Dua jawatankuasa bakal ditubuhkan bagi mengkaji undang-undang khusus berkaitan kenderaan terbiar termasuk kaedah pelupusannya.

Jawatankuasa-jawatankuasa berkenaan akan disertai Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; Kementerian Pengangkutan; Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi



WAN JUNAIDI

dan Kepenggunaan dan Jabatan Perdana Menteri.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, undang-undang itu penting kerana masalah kenderaan terbiar semakin membimbangkan.

“Setakat ini, saya dimaklumkan ada kira-kira 6,000 aduan dari lapan kawasan terutama di bandar seperti Kuala Lumpur dan Johor diterima daripada orang awam berhubung masalah kenderaan terbiar.

“Kita sedar ia berba-

haya kepada pengguna jalan raya, berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk termasuk aedes, mengganggu kawasan parkir awam, selain memiliki bahan toksik yang boleh mendatangkan pencemaran alam sekitar,” katanya pada sidang akhbar di bangunan Parlimen di sini semalam.

Sebelum ini, pada Oktober 2017, ketika menghadiri majlis perasmian Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Kebangsaan di Seremban, Negeri Sembilan, Wan Junaidi memberitahu, terdapat kira-kira lapan juta kereta buruk yang terbiar di seluruh negara.

Mengulas mengenai peranan jawatankuasa

berkaitan kenderaan terbiar, beliau menjelaskan: “Jawatankuasa-jawatankuasa ini antara lain akan meneliti tindakan yang boleh diambil Jabatan Alam Sekitar memandangkan setiap kenderaan mempunyai bahan toksik yang mencemarkan alam sekitar.”

Beliau menambah, jawatankuasa-jawatankuasa itu juga akan melihat isu pampasan atau imbuhan tertentu kepada pemilik yang mengalami masalah seperti tidak mampu membayar cukai jalan atau membaik pulih kenderaan mereka sebelum menarik kenderaan terbiar.

Wan Junaidi menambah, konsultasi bersama

kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan juga perlu diadakan bagi membincangkan lokasi untuk meletakkan kenderaan terbiar.

Beliau berkata, undang-undang berkenaan dijangka akan siap dalam tempoh tiga tahun lagi.

“Kita lihat (undang-undang berkaitan) *e-waste* (barangan elektrik terpakai) pun mengambil masa tiga tahun hingga 2018 dan undang-undang itu masih di peringkat Peguam Negara untuk kajian dasar dan perundangan.

“Jadi kalau hendak disamakan dengan undang-undang kenderaan terbiar kita lihat kira-kira tiga tahun baru boleh siap keseluruhannya,” katanya.

## INFO Prosedur pelupusan kenderaan terbiar

- Permohonan boleh dikemukakan oleh pemilik berdaftar kenderaan atau orang yang mempunyai kuasa bagi pemilik syarikat
- Permohonan boleh dilaksanakan di mana-mana pejabat JPJ Negeri/Cawangan
- Status rekod kenderaan adalah sah
- Tiada sekatan disenarai hitam oleh JPJ atau Polis Diraja Malaysia
- Tiada tuntutan hakmilik
- Telah membuat bayaran balik atau membatalkan Lesen Kenderaan Motor yang masih berkuat kuasa
- Lesen Kenderaan Perdagangan atau Pelancongan (LKM) telah dibatalkan (bagi kenderaan perdagangan)
- Tiada sekatan syarat Lesen Import atau Kastam

### Dokumen yang perlu dikemukakan:

- Satu salinan Borang JPJ K1C yang ditandatangani oleh pemilik berdaftar
- Dokumen pengenalan asal untuk tujuan menyemak sahaja
- Perakuan Pendaftaran Kenderaan (JPJK2) asal. Jika JPJK2 tidak dapat dikemukakan, pastikan pengisytiharan dilakukan dalam JPJK1C (pind.1/2009)
- Borang JPJ K6 untuk pembayaran balik LKM

Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia



MASALAH lambakan kereta terbiar terutama di Kuala Lumpur dan Johor semakin membimbangkan.



KAWASAN perumahan flat seperti di Wangsa Maju, Kuala Lumpur lazimnya menjadi sasaran individu tidak bertanggungjawab meninggalkan kereta yang rosak dan dibiarkan dalam jangka masa lama.